

26/05/2003

Ong, Chan perlu kembalikan kepercayaan terhadap MCA

Kadir Dikoh; Teh Kean Keat

BEBERAPA jam selepas Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA, Datuk Seri S Samy Vellu datang ke rumahnya di Bukit

Damansara di ibu kota.

Pada tengah hari yang sama, sebaik tiba dari Australia, Samy menelefon Dr Ling untuk mengesahkan kesahihan berita yang didengarnya mengenai peletakan jawatan pemimpin MCA itu.

Dr Ling menerima panggilan itu ketika menunggu di pejabatnya di Wisma MCA, kira-kira 30 minit selepas memaklumkan secara rasmi peletakan jawatannya sebagai Presiden MCA.

"Ya, ya, saya memberi laluan kepada generasi muda...terima kasih, terima

kasih," kata Dr Ling tersenyum sambil meletak telefon. Sumber yang rapat dengan Menteri Pengangkutan itu berkata, Dr Ling kemudian memberitahu penyokongnya yang berada di bilik itu: "Itu adalah Samy Vellu.

Kemudian, tanpa disedari wartawan, Dr Ling turun tangga melalui pintu belakang, langkah terakhirnya sebagai presiden - menamatkannya sebagai pemimpin MCA selama 17 tahun. Enam jam kemudian, Jawatankuasa Pusat (CC) MCA membuat keputusan melantik Datuk Seri Ong Ka Ting, 47, sebagai Presiden MCA yang baru manakala Datuk Chan Kong Choy, 48, sebagai

Timbalannya, menggantikan Datuk Seri Lim Ah Lek yang turut meletakkan jawatan.

Ini adalah kali pertama presiden dan timbalan presiden meletak jawatan serentak dalam sejarah 54 tahun parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN) itu.

Malah, dalam sejarah MCA, hampir semua lapan presidennya termasuk yang memangku jawatan itu meninggalkan jawatan dalam suasana penuh kontroversi.

Lima meletak jawatan sebelum tamat tempoh dan dua ditewaskan dalam pemilihan.

Pemimpin yang dipilih kerap kali menghadapi tempoh yang penuh bergolak ketika kepimpinan Tun Tan Cheng Lock, Tun Tan Siew Sin, Tan Sri Lee San

Choon dan Dr Ling.

Namun, tidak ada jaminan bahawa Presiden MCA yang baru, Ong tidak akan dicabar pada pemilihan parti itu pada 2005 nanti. Ramai yang percaya, 'penyelesaian damai' sekarang cuma bersifat sementara kerana masih wujud Team A dan B yang masing-masing diketuai Dr Ling dan Lim.

Satu petanda baik untuk MCA dan BN ialah 'pelan damai' itu dicapai sebelum pilihan raya umum akan datang. Apa yang berlaku selepas pilihan raya umum yang dijangka diadakan sebelum akhir tahun depan, akan memberi kesan minimum kepada BN.

Ong adalah anak didik Dr Ling, manakala Chan, anak asuhan Lim. Hakikat bahawa Ong masih muda dan ramai lagi yang 'senior' dalam parti termasuk Chan dan dua lagi Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng (Team B) dan Datuk Dr

Fong Chan Onn (Team A), akan menyaksikan kemungkinan pertandingan sengit

tercetus pada pemilihan parti menjelang 2005.

Tumpuan kini juga menjurus kepada jawatan Kabinet apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima peletakan jawatan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan. Kemungkinan Chan yang kini Timbalan Menteri Kewangan, akan dinaikkan ke jawatan menteri penuh untuk mengisi kuota MCA bagi menggantikan Dr Ling.

Siapa pula akan mengisi kekosongan jawatan timbalan menteri? Jika mengikut hierarki, salah seorang daripada tiga setiausaha parlimen akan dinaikkan pangkat untuk jawatan itu - Datuk Donald Lim Siang Chai (Kementerian Pengangkutan), Fu Ah Kiaw (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Wong Kam Hoong (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Ong dan Chan, masing-masing mewakili Team A dan B dalam MCA akan terpaksa berbincang mengenai cadangan pelantikan itu Dr Mahathir, malah kedua-duanya juga akan berbincang mengenai senarai calon MCA untuk pilihan raya umum akan datang.

Namun, apabila Dr Ling mengumumkan peletakan jawatannya itu Jumaat lalu, perkara pertama yang terlintas di fikiran ramai ialah "letak jawatan lagi?" Ramai beranggapan Dr Ling hanya bersandiwara dan tidak kurang juga yang berharap beliau benar-benar mengotakan janjinya untuk meletak jawatan.

Ini adalah kali ketiga Dr Ling mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan dalam tempoh tiga tahun. Kali pertama pada 22 Mei 2000, tetapi beliau dinasihati oleh Dr Mahathir supaya menimbang semula keputusannya itu.

Selepas bercuti panjang, pada 6 Jun 2000, Ahli Parlimen Labis itu mengumumkan beliau sedia meneruskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan yang disandangnya sejak 1986. Pada 7 Januari lalu, Dr Ling sekali lagi mengejutkan negara apabila mengumumkan penyerahan surat peletakan jawatan sebagai anggota Kabinet kepada Dr Mahathir pada 15 Ogos 2002.

Terdahulu, kedua-dua puak yang bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada, termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan Pusat sehingga 2005, pada 23 April 2002.

Team A yang diketuai Dr Ling manakala Lim pula memimpin Team B menyokong pelan damai yang dicadangkan Perdana Menteri bagi mengakhiri kemelut dalam kepemimpinan MCA yang berlarutan selepas pilihan raya umum 1999.

Bagaimanapun, parti kedua terbesar dalam BN itu bergolak semula apabila Lim digugurkan sebagai Pengerusi Lembaga Disiplin pada Ogos 2002. Lembaga Disiplin kini dipengerusikan Datuk Kam Woon Wah dengan empat ahli lain iaitu Datuk Dr Wee Khoo Hock, Datuk Wong Seng Chow, Datuk Chan Kit Chee dan Wang Choon Wing.

Kelima-lima veteran itu juga adalah ahli Jawatankuasa Penyiasatan

Veteran yang ditubuhkan khas pada 8 Oktober tahun lalu bagi menyasat pergaduhan dan kejadian membaling kerusi ketika Perhimpunan Agung Pemuda pada 3 Ogos tahun lalu.

Krisis dalaman MCA mula tercetus selepas pilihan raya umum 1999 apabila empat jawatan dalam Kabinet yang diperuntukkan kepada parti itu gagal memuatkan lima calon. Dr Ling tidak mengotakan janjinya untuk memberi lalu kepada anak didik Lim, iaitu Chan satu jawatan menteri.

Sebaliknya, beliau mencadangkan nama anak didiknya, Ong untuk memegang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tiga lagi jawatan dalam Kabinet diisi oleh Chua (Menteri Kesihatan), Dr Fong (Menteri Sumber Manusia) dan Dr Ling sendiri (Menteri Pengangkutan). Kemudian, dua puak iaitu Team A dan B menunjukkan rasa tidak puas hati kerana Chan gagal menduduki jawatan menteri walaupun Dr Ling membuat janji itu sejak 1996 lagi.

Kini, berakhir zaman Ling-Lim, bermulanya zaman Ong-Chan. Kelahiran Presiden MCA ketujuh itu membawa erti besar kerana ia bermakna tirai krisis dalaman yang dihadapi parti itu sejak tiga tahun lalu secara rasminya ditutup.

Adakah benar gandingan itu dikatakan hanya diwujudkan semata-mata untuk menghadapi pilihan raya atau mereka benar-benar ikhlas mahu menyatupadukan semula parti yang mempunyai kira-kira 1 juta ahli.

Tumpuan kini kepada Ong dan Chan kerana sebelum ini mereka adalah daripada dua puak berbeza. Dapatkah kedua-duanya melupakan perselisihan faham dan berganding bahu untuk membina MCA baru ataupun kenaikan pangkat itu hanya untuk sementara waktu?

Bagaimanapun, Chan berkata, perpaduan yang dilihat hari ini adalah dari segi fizikal saja bukan dari segi psikologi dan adalah mustahil untuk ahli daripada kedua-dua puak itu melupakan segala `dendam' dalam sekelip mata.

Dalam kelancaran proses peralihan kuasa kali ini, ada pula beberapa pemimpin yang menjadi mangsa pengorbanan. Antaranya ialah Chua dan Dr Fong. Chua adalah naib presiden yang paling kanan berbanding Dr Fong, Chan dan Ong.

Bagaimanapun, kali ini, beliau diketepikan begitu saja. Dr Fong pula apa kurangnya apabila beliau sekadar menjadi orang tengah yang tidak mendapat sebarang habuan. Ada ramalan mengatakan bahawa peralihan kuasa itu mewujudkan Team C yang dianggotai saki baki ahli Team B yang gagal mendapat pembahagian `kek' berkenaan.

Untuk Pemuda MCA pula, pergerakan yang lantang bersuara dan berani bertindak itu juga sukar untuk didamaikan kerana krisis yang dihadapi mereka lebih awal berbanding badan induk. Selagi Ketuanya, Datuk Ong Tee Keat masih menerajui pergerakan berkenaan, Pemuda diramal akan menjadi satu lagi masalah besar kepada pucuk pimpinan baru badan induk.

Justeru, Ong-Chan perlu mencari jalan untuk memimpin pergerakan itu ke

landasan yang betul bagi membuktikan kewibawaan mereka. Wanita MCA pula lebih senang diselesaikan walaupun ketua, Datuk Dr Ng Yen Yen dan timbalannya Datin Paduka Dr Tan Yee Kew masing-masing sering mengamalkan prinsip 'seorang hadir, seorang lagi hilang'.

Ini kerana, Ong-Chan hanya perlu menseimbangkan ahli dalam CC Wanita MCA

untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham melalui pelantikan beberapa orang tengah.

Pada peringkat negeri pula, tumpuan juga diberikan kepada jawatan pengerusi dan timbalan pengerusi negeri khususnya di Perak, Selangor dan Johor. Pemimpin akar umbi adalah kunci seseorang pemimpin parti mendapatkan sokongannya daripada peringkat akar umbi.

Tanpa sokongan akar umbi, sesebuah parti itu mudah goyang apabila wujud sesuatu masalah atau krisis. Jadi, gandingan Ong-Chan perlu menyahut pelbagai cabaran untuk membuktikan kewibawaan mereka dan mengembalikan kepercayaan ahli serta masyarakat Cina terhadap MCA.